

UNTUK EDARAN SEGERA

PEMBINAAN HAB ESUKAN KEBANGSAAN BERMULA

SPACERUBIX, PUCHONG, 18 Februari 2021 - Esports Integrated (ESI) mengumumkan bermulanya kerja-kerja pembinaan hab esukan kebangsaan Malaysia di Spacerubix, Puchong. Projek ini merupakan kesinambungan pengumuman peruntukan sukan pada Belanjawan 2020 dan pembinaan dijadualkan bermula dari Mac 2021 sehingga Oktober 2021.

Antara halatuju dan fokus utama ESI pada tahun ini, hab ini akan digunakan bagi tujuan membantu pertumbuhan esukan di Malaysia dengan menyediakan ruang kejohanan dan acara, pusat latihan untuk kedua-dua pemain profesional dan amatir, sebuah hab jaringan untuk pemegang taruh industri, dan sebagai hab utama untuk program-program profesional dan pembangunan kapasiti. Ini adalah sebahagian daripada pelaksanaan rangka kerja yang inklusif dan mapan untuk pertumbuhan industri. ESI bakal menjalankan siri program pembangunan kapasiti dan membangunkan rangka kerja pengawalseliaan yang efektif menerusi garis panduan esukan kebangsaan.

“Kita tidak boleh berhenti sekadar di takuk penganjuran kejohanan esukan atau pembentukan platform pusat semata-mata. Usaha itu perlu disusuli dengan hab fizikal yang berfungsi sebagai saluran organik untuk jaringan dan pusat pembelajaran. Pendekatan holistik adalah kaedah terbaik untuk memastikan pertumbuhan yang berterusan dalam industri dan hab esukan negara adalah langkah seterusnya, bersama dengan program pembinaan kapasiti kami,” kata Ahmed Faris Amir, Ketua Pegawai Eksekutif ESI.

“Hab ini akan berfungsi sama seperti hab sukan negara yang lain, di mana ia bakal menjadi lokasi utama dan pusat latihan untuk kontinjen esukan Malaysia bertanding dalam pelbagai kejohanan antarabangsa. Rutin latihan yang ketat akan menguji kekuatan mental dan fizikal atlet, termasuk diet dan penyediaan makanan di pusat latihan. Saya juga yakin orang ramai akan memanfaatkan kemudahan ini, dan menyeru semua peminat esukan tempatan untuk menggunakan kemudahan yang disediakan di hab esukan kebangsaan setelah ia siap dibina dan menyertai program latihan ESI,” kata Yang Berhormat Dato’ Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Belia dan Sukan.

Mengenai Impact Integrated

Kami adalah sebuah agensi pemangkin strategik untuk inisiatif-inisiatif yang berteraskan belia dan sukan di bawah kawalselia Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Terdapat lima buah entiti di bawah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) ini iaitu: Impact Malaysia, sebuah inisiatif pembangunan belia dan inovasi sosial; Rakita, sebuah jenama 'infotainment media' pelbagai saluran berteraskan belia; Spacerubix, sebuah hab inspirasi lengkap dengan kompleks sukan dan ruang acara di Puchong; Picksum, sebuah platform 'marketplace' untuk produk-produk buatan usahawan tempatan; dan Esports Integrated, sebuah inisiatif untuk memangkin ekosistem Esukan yang rancak, mapan, dan inklusif di tanah air kita ini.

Mengenai Esports Integrated

Esports Integrated (ESI) adalah sebuah inisiatif untuk memangkin sebuah ekosistem Esukan yang rancak, mapan, dan inklusif di Malaysia. Matlamat ESI adalah untuk membina struktur dan program-program untuk menyokong pembangunan ekosistem yang rancak, mapan dan inklusif yang mampu merangsang pertumbuhan, memastikan perlindungan, dan meluaskan kepelbagaian. Sebagai sebuah inisiatif, ESI amat menitikberatkan galakan pertumbuhan dan peluasan ekosistem Esukan dan dalam masa yang sama memastikan bahawa ekosistem tersebut bersifat inklusif dan meliputi nilai-nilai sihat.

Hubungi Kami

Fadzli Rahim

Vice President, Operations & Growth, Esports Integrated

E-mel: media@esportsintegrated.com / fadzli@esportsintegrated.com

Telefon: +60 17-360 6136